


ANUGERAH MENDAKI

Baru-baru ini, Yayasan Mendaki menyampaikan Anugerah Mendaki kepada sekumpulan pelajar warga Singapura yang bukan sahaja cemerlang dalam pengajian masing-masing, malah menunjukkan kecenderungan untuk menyumbang kepada masyarakat. Berita Harian berkongsi kisah dua pelajar tersebut dalam ruangan ini.

“Saya ingin menyumbang semula kepada masyarakat dan adalah impian saya juga untuk menyumbang kepada usaha terus membangunkan masyarakat Melayu/Islam, terutamanya generasi muda kita.”

– Encik Salifian Sulaiman.



Penerima Anugerah Cemerlang Mendaki dan Anugerah Gemilang Mendaki, Encik Salifian Sulaiman, kini mengikuti pengajian ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam jurusan Kajian Antropologi dan Penghijrahan di Universiti Oxford di Britain. – Foto ihsan SALIFIAN SULAIMAN

Buru PhD di Oxford, Salifian ingin tabur bakti kepada masyarakat

Penerima Anugerah Mendaki sedang bangunkan laman web tawar panduan permohonan possiswazah/biasiswa bagi universiti seperti Oxford, Cambridge dan Harvard

► **SYED MUHAMMAD FIRDAUS**
smfirid@sp.com.sg

Meskipun berada ribuan kilometer jauh dari tanah air, Encik Salifian Sulaiman, giat memikirkan cara untuk menabur bakti kepada masyarakat.

Salah satu inisiatif yang diusahakan penerima Biasiswa Rhodes itu baru-baru ini adalah dalam bentuk kerjasama dengan rakan-rakannya yang mengikuti pengajian di Universiti Cambridge, Encik Abdul Mateen Kamal.

Secara khusus, mereka sedang membangunkan sebuah laman web yang menawarkan panduan permohonan possiswazah dan biasiswa bagi universiti terkemuka seperti Oxford, Cambridge dan Harvard.

“Ramai yang sering bertanya kepada saya bagaimana cara memohon, dan saya perasan terdapat kekurangan maklumat yang mudah diakses.

“Jadi, saya bekerjasama dengan beliau untuk membangunkan projek ini.

“Insya-Allah tahun depan (2026) kita akan ada laman web yang dikemas kini yang menawarkan maklumat ini,” ujar Encik Salifian, 26 tahun.

Anak ketiga dalam empat beradik itu baru sahaja memulakan pengajian ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam jurusan Kajian Antropologi dan Penghijrahan di Universiti Oxford di Britain pada Oktober 2025.

Sebelum ini, beliau menerima anugerah Lee Kuan Yew-Quantege dan Biasiswa Possiswazah Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM) bagi pengajian sarjana antropologi sosial di Universiti Cambridge.

Menurut Encik Salifian, keputusannya untuk menceburi kajian antropologi terdapat daripada minatnya untuk menyelami bagaimana penghijrahan, agama dan pendidikan boleh mempengaruhi mobiliti sosial.

“Saya ingin memahami bagaimana individu, termasuk mere-

ka daripada masyarakat Melayu/Islam, boleh maju dalam kehidupan mereka dan menghapuskan halangan sosioekonomi.

“Saya rasa sudah tiba masanya untuk melihat bukan hanya mengapa sesetengah orang keciciran, tetapi juga bagaimana mereka yang berjaya mencapai impian mereka,” ujar anak seorang pemandu penghantaran dan suri rumah itu.

Encik Salifian selesai pengajian pada 2024 dengan Kepujian (Kecemerlangan Tertinggi) dalam program Sarjana Muda dalam Sejarah daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) dengan meraih Gred Mata Purata (GPA) 4.58 mata dan ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Liberal daripada Universiti Waseda di Tokyo, Jepun dengan GPA 3.84 mata.

Ini selain disertakan dalam Senarai Dekan di Universiti Waseda sebanyak dua kali.

Pada 11 Oktober, Encik Salifian diiktiraf dengan Anugerah Cemerlang Mendaki dan Anugerah Gemilang Mendaki semasa majlis penyampaian Anugerah Mendaki 2025 di Pusat Budaya Universiti Nasional Singapura (UCC).

Anugerah Cemerlang Mendaki diberikan kepada lulusan kepujian kelas pertama manakala Anugerah Gemilang Mendaki mengiktiraf individu teladan dari segi perwatakan, kecekapan dan kewarganegaraan.

Bagi Encik Salifian, anugerah itu mendorongnya untuk memperuntuk lebih banyak masa dan idea melalui kajiannya bagi manfaat masyarakat Melayu/Islam di Singapura.

“Saya amat gembira apabila menerima anugerah ini kerana ia adalah impian yang saya tidak sangka boleh saya capai dahulu. “Alhamdulillah dengan sokongan ibu bapa dan kawan-kawan saya, semua ini tercapai.

“Sokongan yang diberikan oleh masyarakat telah membolehkan saya menerima Biasiswa Rhodes dan melanjutkan pengajian saya di Oxford.

“Saya ingin menyumbang semula kepada masyarakat dan adalah impian saya juga untuk menyumbang kepada usaha berterusan (dalam) membangunkan masyarakat Melayu/Islam, terutamanya generasi muda kita,” katanya.

“Anugerah ini menjadi motivasi untuk saya terus maju. Saya berharap pencapaian ini dapat menjadi inspirasi kepada pelajar Melayu lain yang ingin ceburi bidang perubatan dan penyelidikan.”

– Cik Alifah Ilyana Jamal.



Cik Alifah Ilyana Jamal, berazam menggunakan sains dalam memperjuangkan kesihatan wanita melalui penyelidikan bioperubatan. Beliau merupakan antara penerima Anugerah Mendaki 2025, di Auditorium Ho Bee, Pusat Budaya Universiti Nasional Singapura (UCC) pada 11 Oktober. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHÄ

Alifah, siswa perubatan NUS ingin perkasa wanita, galak amalan sihat berbekal cinta dunia penyelidikan

► **INSYIRAH MOHD SHUKOR**
insyirahms@sph.com.sg

Pengalaman menjalani latihan amali selama enam bulan di Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star) pada 2024 mengubah perjalanan hidup Cik Alifah Ilyana Jamal.

Meskipun tempoh latihan tersebut singkat, Cik Alifah, 21 tahun, yang ketika itu berada dalam pengajian tahun kedua kursus Diploma Bioteknologi Perubatan di Politeknik Temasek (TP), cukup yakin sains dapat menjadi wadah penting buatnya memperjuangkan kesihatan wanita melalui penyelidikan bioperubatan.

Semangat itu membuahkan hasil apabila beliau menamatkan pengajian di TP pada Mei 2025 dengan keputusan cemerlang. Beliau memperoleh Gred Mata Purata (GPA) 3.96, dan muncul sebagai antara pelajar terbaik kohortnya dalam kursus Diploma Bioteknologi Perubatan di TP.

Berbekalkan pengalaman dan asas kukuh dalam penyelidikan, beliau kini melanjutkan pengajian di Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam jurusan Perubatan.

Di situ, beliau menyumbang kepada Projek W.E. (Women Empowerment) atau ‘Pemeriksaan Wanita’, satu inisiatif di bawah Persatuan Perubatan NUS, yang memberi tumpuan pada sokongan kesihatan wanita.

“Ilmu yang kita pelajari tak sepatutnya terhenti di dewan kuliah.

“Saya mahu gunakan pengetahuan saya melalui latihan amali saya sebelum ini demi membantu orang lain, terutama wanita,” ujarnya.

Hasil usaha dan semangat beliau menjadi teladan dan pemerhatian nilai yang membawa pada pengiktirafan di majlis penyampaian Anugerah Mendaki 2025, di Auditorium Ho Bee, Pusat Budaya Universiti Nasional Singapura (UCC) pada 11 Oktober.

Cik Alifah, anak bongsu dalam empat beradik, diiktiraf dengan Anugerah Mendaki, Anugerah Gemilang Mendaki dan Anugerah Pencapaian Akademik.

Menteri Penyelaras bagi Dasar Sosial

merangkap Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung, hadir selaku tetamu terhormat di acara tersebut.

Turut hadir ialah Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehsan Masyarakat Islam, Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim; dan Menteri Negara Kanan (Pertahanan merangkap Kemampanan dan Sekitaran), Encik Zaquy Mohamad, yang juga Pengerusi Yayasan Mendaki.

Anugerah Mendaki 2025 mengiktiraf 529 pelajar Melayu/Islam yang mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan nasional atau memperoleh kepujian kelas pertama di universiti terkemuka sama ada di dalam atau luar negara.

Bagi Cik Alifah, pengiktirafan itu menandakan kepercayaan masyarakat terhadap potensi anak muda sepertinya.

“Anugerah ini menjadi motivasi untuk saya terus maju. Saya berharap pencapaian ini dapat menjadi inspirasi kepada pelajar Melayu lain yang ingin ceburi bidang perubatan dan penyelidikan.

“Saya memang menghargai kepercayaan dan semangat yang diberikan daripada orang sekeliling kerana ia menjadi dorongan agar terus gigih dalam pelajaran saya,” ujarnya.

Menurutnya, pengiktirafan ini lebih bermakna kerana beliau telah memilih untuk menukar haluan ke politeknik setelah setahun menuntut di Maktab Rendah St Andrew (SAJC) pada 2021.

Namun, beliau akur keputusan itu tidak dilakukan dengan mudah kerana ia disertai dengan rasa tanggungjawab untuk membalas pengorbanan mak dan ayah.

Bapanya, Encik Jamal Abubakar, 61 tahun, merupakan pemandu lori, manakala ibunya, Cik Rohaya Othman, 56 tahun, merupakan suri rumah.

“Sebagai anak bongsu, saya rasa tanggungjawab saya apabila dewasa adalah untuk membanggakan mak dan ayah.

“Sejak kecil, saya dapat lihat sendiri pengorbanan mereka agar saya dan adik-beradik saya dapat melanjutkan pengajian sejauh mungkin.

“Sebab itu, saya mahu buktikan segala usaha dan doa mereka tidak sia-sia,” kata Cik Alifah.